



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT : 8
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Haiwan liar itu turut kejar motosikal, tidak hirau kehadiran penduduk kampung

Lelaki terkejut dijilat pak belang

Oleh EZZUAN AHMAD

DUNGUAN – Seorang tukang rumah terkejut apabila pinggangnya tiba-tiba dijilat seekor daripada dua ekor harimau belang yang dipercayai tersesat di Kampung Besol Lama, Bukit Besi dekat sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 9 pagi itu, Mohamad Harun, 61, sedang memperbaiki rumah bersama salah seorang anaknya yang berusia 22 tahun.

Menceritakan kembali pengalaman itu, Mohamad berkata, dia terasa pinggangnya dijilat haiwan liar itu dari arah belakang sewaktu sedang bertukang. "Pada mulanya saya ingatkan dilihat kucing tetapi apabila menoleh, saya terperanjat apabila

mendapati haiwan itu rupa-rupanya seekor harimau.

"Tanpa berfikir panjang, saya dan anak lelaki segera berlari ke dalam rumah untuk bersembunyi bagi menyelamatkan diri," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Cerita Mohamad lagi, dia kemudiannya memberanikan diri keluar rumah kerana menyangkakan haiwan itu telah beredar, namun dikejar pula oleh seekor lagi harimau lain yang menunggunya di halaman rumah.

Dia memberitahu, dia berlari bagaikan lipas kudung untuk menyelamatkan diri sebelum terjun ke dalam sungai berhampiran sehingga menyebabkannya cedera pada dahi.

Diambahkan, haiwan berkenaan yang dipercayai tersesat



RAKAMAN video yang tular menunjukkan seekor harimau yang seolah-olah tidak menghiraukan kehadiran penduduk dalam kejadian di Bukit Besi semalam.

dari kawasan hutan berhampiran turut mengejar beberapa penduduk kampung yang sedang menunggang motosikal sebelum penemuannya dimaklumkan kepada Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman

Negara (Perhilitan) Terengganu. Sementara itu, Pengarah Perhilitan Terengganu, Dr. Abdul Malik Mohd. Yusuf berkata, kaktangan agensi itu bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima maklumat berhubung

penemuan dua ekor harimau tersebut pada pukul 11.30 pagi.

"Siasatan awal mendapati dua ekor haiwan harimau jantan dan betina berkenaan seekor akan jinak apabila tidak menghiraukan kehadiran kenderaan dan penduduk kampung yang mendekatinya.

"Bagaimanapun, masih belum dipastikan sama ada haiwan liar itu benar-benar jinak atau sebaliknya.

"Sehubungan itu, saya meminta penduduk Kampung Besol Lama dan sekitar agar berhati-hati," katanya ketika dihubungi.

Abdul Malik berkata, setakat petang semalam, pasangan harimau berkenaan yang sudah masuk semula ke kawasan hutan masih belum berjaya ditangkap dan usaha untuk menerangkanya sedang giat dilakukan.